

1. Sejauh manakah benar dakwaan bahawa dasar-dasar Aurangzeb telah membuka ruang bagi keruntuhan empayar Moghul di India?
2. Nilaiikan secara kritis tujuan pentadbir British di sebalik pengenalan pembaruan-pembaruan sosial di India antara 1828 hingga 1856.
3. "Walaupun dicetuskan oleh sekumpulan sepoi yang naik berang, Dahagi India masih boleh diterima sebagai perang pembebasan negara." Bincangkan.
4. "Untuk dua puluh tahun pertama sejak ditubuhkan Kongres Kebangsaan India langsung tidak bergerak sebagai sebuah parti politik kebangsaan." Bincangkan.
5. Menjelang dekad pertama abad kedua puluh bibit-bibit radikalisme mula meresapi pergerakan nasionalisme di India. Bincangkan secara kritis faktor-faktor yang menyebabkan perkembangan ini.
6. Gandhi telah menganjurkan perjuangan pembebasan tanpa penggunaan kekerasan. Namun, mengapa berlaku banyak keganasan dan pertumpahan darah sejak munculnya Gandhi dalam sejarah perjuangan pembebasan India?
7. Sejauh manakah Muhammad Ali Jinnah dapat dipertanggungjawabkan bagi pengembangan politik pemisahan dan pemisahan Pakistan?